

# 35 penuntut UTHM serlah bakat kepemimpinan

**LEDANG** - Sekolah Kebangsaan Bekoh, Tangkak, dekat sini, menjadi pilihan 35 penuntut Fakulti Sains Teknologi dan Pembangunan Insan dari Universiti Teknologi Tun Hussien Onn (UTHM) menonjolkan bakat kepimpinan menerusi program UTHM Care.

Program dua hari itu dirasmikan Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri juga merangkap Ahli Parlimen Ledang, Datuk Ir Hamim Samuri.

Pengarah program, Phang Hou Yee berkata, peserta merupakan penuntut tahun satu pengajian Statistik, Teknologi Matematik dan Teknologi Makanan fakulti berkenaan.

"Ia diadakan bagi memenuhi syarat kredit bagi kursus kokurikulum Khidmat Masyarakat (Seksyen 1) yang menyumbang markah sebanyak 40 peratus kepada setiap penuntut fakulti ini.

"Kursus ini mengehendaki penuntut terlibat dalam aktiviti berbentuk khidmat sosial," katanya baru-baru ini.

Turut hadir, Penasihat Kursus Kokurikulum Khidmat Masyarakat (Seksyen 1) UTHM, Hasniza Mustafa dan Guru Besar Sekolah Kebangsaan Bekoh, Tangkak, Kamaruddin Ibrahim.

Katanya, pemilihan sekolah tersebut kerana kedudukannya di kawasan luar bandar, di samping 38 daripada 135 muridnya terdiri daripada anak Orang Asli dari Perkampungan Orang Asli Tanah Gembur, di sini.

Hou Yee berkata, program tersebut dapat memupuk kesedaran peranan penuntut sebagai agen penggerak masyarakat dalam kerja kesukarelawan.

Sementara itu, Kamaruddin berkata, beliau gembira sekolah itu terpilih untuk diadakan program yang boleh memberi impak positif dalam meningkatkan kecemerlangan murid-muridnya.